



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (45)

Tarikh : 13 April 2017

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TAMAN SILIAU JAYA

Port Dickson, 13 April 2017 - YAB Menteri Besar Negeri Sembilan menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Siliau Jaya pada petang ini. Beliau diiringi oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan (KPKT). Turut hadir ialah Y.B. Datuk Seri Dr. S. Subramaniam (Presiden MIC merangkap Menteri Kesihatan Malaysia).

2. Projek PPR Taman Siliau Jaya, Port Dickson, Negeri Sembilan ini telah dibina di atas tapak seluas 20 ekar dengan kos sebanyak RM17.6 juta. Projek ini terdiri daripada 150 unit rumah teres berkeluasan 700kps. PPR ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti Dewan Serbaguna, Surau, Tadika dan Taman Permainan.
3. Di PPR Siliau Jaya ini, bagi golongan berpendapatan rendah tiada pendapatan tetap, mempunyai komitmen bulanan yang tinggi dan telah disenarai hitam, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Skim Sewa untuk Milik (*Rent to Own*). Seramai 106 peserta ditawarkan secara RTO dan akan menerima kunci unit masing-masing manakala 34 orang peserta lagi akan melalui proses pembiayaan daripada institusi kewangan tempatan.
4. Di bawah Skim Sewa untuk Milik (*Rent to Own*) ini, peserta hanya perlu membayar sewaan bulanan sebanyak RM200 hingga RM250 sebulan selama tempoh 20 hingga 25 tahun sebelum hakmilik diserahkan kepada peserta. Dalam tempoh tersebut, sekiranya peserta melanggar syarat-syarat kontrak seperti menyewakan kepada pihak ketiga, tunggakan sewaan bulanan melebihi tiga (3) bulan pada satu-satu masa, menyalahgunakan

premis selain daripada tujuan kediaman dan melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, maka Kerajaan berhak untuk menamatkan kontrak sewaan dan tidak layak untuk meneruskan Skim RTO ini.

5. **Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Sembilan**

Sehingga kini Kerajaan telah melaksanakan 1,222 unit PPR di Negeri Sembilan seperti berikut:

BIL	PROJEK	BIL UNIT	STATUS
1	PPR Senawang	420 unit	Siap
2	PPR Taman Siliau Jaya	150 unit	Siap
3	PPR Ladang Tanah Merah	100 unit	Dalam Pembinaan
4	PPR Rantau	100 unit	Dalam Pembinaan
5	PPR Rembau	452 unit	Dalam Pembinaan
Jumlah Unit		1,222 unit	

6. Program-Program Perumahan Rakyat (PPR) diseluruh negara disewakan dan dijual kepada golongan berpendapatan rendah dengan kadar yang cukup rendah iaitu sebanyak RM124 sebulan bagi PPR Disewa dan RM35,000 seunit bagi PPR DiMiliki berbanding dengan kos pembinaan seunit yang mencecah RM150,000 sehingga RM180,000 seunit.

7. Majlis pada petang ini turut dihadiri oleh Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha KPKT), Datuk Abdul Rahim bin Ishak (Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara), pegawai kanan KPKT, Kerajaan Negeri Sembilan dan pemimpin tempatan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my